BULETIN
SUK PERAK
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Bil. 3/2019



Menuju PANGKOR PULAU BEBAS CUKAI 2020 :

Kerajaan Negeri Lancar LOGO BAHARU

Tourism perak MALAYSIA

MENARIK DI DALAM :

M/S 6 SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2019 DI DATARAN WARISAN TAIPING

M/S 21 PROGRAM AGROFEST 2019 SASAR NILAI JUALAN RM5JUTA

M/S 22 PROGRAM KELESTARIAN FELDA BANTU PENEROKA SELESAI MASALAH

Sidang Redaksi

PENAUNG
YB Dato' Hj. Zainal Azman bin Abu Seman
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

KETUA PENYUNTING
Nurdina Muhammad

PENOLONG PENYUNTING
Zuriati Zainal

PENYELARAS
Roslan Jamaluddin
Dalila Mastor

PEREKA GRAFIK
Azmi Asmayatim

WARTAWAN
Muhamad Adzhar Tajuddin

FOTOGRAFI
Lopman Bahari
Faez Zulkarnain

PENOLONG PENYELARAS
Sharil Rabbani
Fauzi Radzali
Safuan Rozali

BAHAGIAN KORPORAT
PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERAK

Sekitar Kunjungan Hormat



SISTEM e-TANAH
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Sistem e-Tanah merupakan sistem elektronik yang dibangunkan secara bersepadu untuk mempercepat dan meningkatkan penyampaian urusan Pentadbiran Tanah kepada rakyat.

- Pendaftaran Akaun Pengguna
- Permohonan Secara Atas Talian
- e-Carian
- e-Semakan
- e-Bayaran
- Pengurusan Wakil

PORTAL RASMI
https://ptg.perak.gov.my

EMAIL
webmasterptg@perak.gov.my

TELEFON
05 525 3761 (hotline) / 05 253 1957

Laman Rasmi Facebook
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Sila like page :-
"Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak"

Pelbagai informasi boleh diperolehi!!!

Sila like dan follow Instagram
Pejabat SUK Perak :-

"sukperak"



DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

GESA HENTI NYALAKAN API PERKAUMAN DAN PERMUSUHAN AGAMA

IPOH, 1 SEPTEMBER 2019 - DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menitahkan agar semua pihak menghentikan perbuatan menyemarakkan isu perkauman dan agama di negara ini.

Baginda bertitah, setiap insiden yang ditafsirkan secara negatif menurut dimensi kaum dan agama meletakkan negara berada dalam zon bahaya yang mencemaskan.

Menurut baginda, pelbagai provokasi keterlaluan membabitkan isu perkauman dan agama ibarat satu bom jangka yang menunggu masa untuk meletup.

"Pelbagai provokasi secara keterlaluan dilaporkan, antaranya meletak patung dan melemparkan daging khinzir di dalam masjid, meletak kepala lembu di kuil Hindu, menyebarkan pelbagai bahan diayah, fitnah dan penghinaan melalui media sosial, termasuk penghinaan terhadap agama Islam dan Rasulullah SAW. Sebahagian besar daripada perbuatan-perbuatan tersebut dilaporkan dilakukan kerana upahan.

"Bara perkauman semakin disemarakkan, api permusuhan antara agama semakin dinyalakan. Setiap ungkapan dan setiap perbuatan sedemikian, sebenarnya merupakan pemasangan satu bom jangka, yang menantikan masa untuk meletup," titah baginda.

Baginda bertitah demikian sempena Majlis Sambutan Maal Hijrah 1441 Peringkat Negeri Perak di Pusat Konvensyen Casuarina @ Meru, Bandar Meru Raya.

Turut berangkat pada majlis itu, DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; DYTM Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; DYTM Raja Puan Besar Perak, Raja Nazhatul Shima Idris Shah; DYAM Raja DiHilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Idris Shah dan DYAM Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Abdul Halim Shah.

Turut mengiringi baginda, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman dan barisan EXCO Kerajaan Negeri Perak.

Dalam pada itu, baginda turut menegur tindakan segelintir pemimpin politik yang mengambil kesempatan meningkatkan lagi suhu permusuhan dalam kalangan rakyat.

"Apakah kemenangan yang mahu diperoleh sebahagian mereka yang bergelar pemimpin, bersaing mempamerkan ego masing-masing, sehingga sanggup meletakkan nilai diri sebegini rendah, dalam hasrat mencari pengaruh dan mendapatkan sokongan politik?

"Apakah kepuasan yang bakal dihirup sekiranya darah warga membasahi bumi, mayat bergelimpangan, bangunan terbakar dan kenderaan hangus dijilat api? Suhu panas ini wajib segera diturunkan. Perbuatan menyalakan api perkauman, perbuatan meniupkan bara permusuhan antara agama wajib dihentikan tanpa berlengah," tegas baginda.

Menurut baginda, suhu politik di dalam negara pasca Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) semakin hari semakin dipanaskan dan dilakukan oleh pemimpin politik daripada kedua-dua pihak sama ada kerajaan mahupun pembangkang.

"Sifat-sifat kaduk menaiki junjung dan sifat-sifat memilih lebih mahu berputih tulang setelah berputih mata oleh sebahagian pemimpin politik telah meningkatkan suhu permusuhan dalam kalangan warga.

"Perbuatan 'mengata dulang paku serpih' melalui persaingan melukis wajah lebih hodoh lawan politik, semakin menambahkan mendung di langit negara," titah baginda.

Menurut baginda, kebenaran fakta dan kesahihan sesuatu berita tidak lagi menjadi keutamaan sebaliknya rakyat di negara ini termasuk golongan terpelajar membiarkan emosi mempengaruhi diri.

Baginda bertitah, pemikiran rakyat semakin diracuni sehingga mereka menjadi terlalu taksub dan semakin berminda tertutup.

"Setiap insiden daripada kejadian jenayah di jalan raya kepada tindakan disiplin seorang guru di sekolah, atau seorang majikan di pejabat, warna baju yang dipakai oleh pemimpin, kesilapan mengibarkan bendera, perubahan kurikulum pengajian, dilihat dan ditafsirkan secara negatif menurut dimensi kaum dan agama. Keadaan ini amat tidak sihat, meletakkan negara berada dalam zon bahaya yang mencemaskan.

"Majoriti warga di negara ini cintakan keamanan. Mereka semakin resah, semakin gelisah, berasa bimbang, berasa takut. Sedarilah! Serpihan daripada letupan bom jangka ini tidak mengenal mangsa, malah anak cucu serta kaum kerabat pemasang bom jangka turut terdedah kepada akibat daripada perbuatan-perbuatan berfikiran singkat," titah baginda.



DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

Lancar Buku
Tulisan Baginda

KUALA LUMPUR 14 JULAI 2019 - DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan melancarkan buku *'Striving For Inclusive Development: From Pangkor To A Modern Malaysia State'* di Hotel St Regis.

Buku yang ditulis baginda itu mencatatkan perkembangan ekonomi Malaysia dan transformasi sosial yang berlaku sejak 150 tahun yang lalu.

Selain itu, buku itu juga merupakan penerbitan kedua baginda selepas naskhah pertama yang dibukukan pada 2017 bertajuk *'Memacu Ekonomi'*.

Baginda bertitah, dari zaman kanak-kanak hingga ke hari ini, baginda telah melalui pengalaman bagaimana negara ini berkembang dan moden.

"Beta telah menyaksikan bagaimana nasib rakyat yang berbolak-balik dalam kitaran ekonomi yang sehingga kini masih dan bagaimana mereka secara umumnya berubah dari kehidupan berasaskan pertanian kepada kehidupan di bandar yang makmur. Sesetengah cabaran itu kekal bagaimanapun muncul yang baharu.

"Buku beta mencatatkan sejarah ekonomi negara kita yang menarik sepanjang 150 tahun yang lalu. Ia memperlihatkan ketabahan negara, perubahan institusi, dan sudah tentu *'striving for inclusive develoment'*. Malaysia pada hari ini adalah kerana sumbangan kolektif yang telah diberikan oleh semua komuniti, " titah baginda.

Yang turut berangkat ke majlis tersebut, DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Hadir sama Pengarah Pusat Pengajian Pembangunan Universiti Cambridge, Dr Ha-Joon Chang, Pakar Ekonomi Universiti Cambridge, Prof Emiritus Peter J Drake dan Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima Berhad, Dato' Kamal Bin Khalid.

Sementara itu, DYMM Paduka Seri Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah turut bertitah, baginda telah mengambil masa hampir dua dekad untuk menghasilkan buku yang merangkumi lebih 500 muka surat.

"Untuk cuba membuka kunci 'rahsia' sejarah, beta telah menjalankan sejumlah penyelidikan, menghabiskan masa dalam arkib yang berdebu dan perpustakaan yang kurang terang.

"Beta juga telah berbincang dengan para cendekiawan dan sejarawan ekonomi dan berunding dengan pakar dalam banyak bidang, terdapat banyak yang perlu dilihat juga disemak," titah baginda lagi.



DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan bersalaman dengan YB Menteri Belia dan Sukan, Tuan Syed Saddiq Bin Syed Abdul Rahman pada Majlis Pelancaran Buku 'Striving For Inclusive Development: From Pangkor To A Modern Malaysia State' hasil tulisan baginda.



DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan meluangkan masa berbual santai dengan YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman



DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
BERKENAN RASMI
PEJABAT LKIM MANJUNG

LUMUT, 26 OGOS 2019 - DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat merasmikan bangunan pejabat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Perak, Seri Manjung.

Turut berangkat, DYTM Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; DYTM Raja Puan Besar Perak, Raja Nazhatul Shima Sultan Idris Shah; DYAM Raja Dihilir Perak, Raja Iskandar Dzurkarnain Sultan Idris Shah dan DYAM Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Turut hadir, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu; YB Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Sim Tze Tzin serta barisan Exco Kerajaan Negeri Perak.

Majlis dimulakan dengan alunan ayat suci al-Quran diikuti bacaan doa sebelum baginda berkenan menandatangani plak perasmian bangunan pejabat berkenaan di atas pentas utama sambil disaksikan ratusan rakyat negeri ini yang hadir.

Sementara itu, YB Timbalan Menteri Pertanian, Tuan Sim Tze Tzin berkata, Perak mempunyai seramai 15,500 nelayan dengan 4,201 vesel selain menyumbang secara signifikan kepada sektor akuakultur.

Beliau berkata, Perak turut muncul sebagai penyumbang terbesar industri perikanan marin Negara iaitu sebanyak 266,556 tan metrik.

Untuk rekod perancangan pembinaan bangunan baru Pejabat LKIM Perak bermula dengan pemilikan tapak asal oleh LKIM pada April 2011 dan Ketua Pengarah LKIM sebagai Pegawai Penguasa Projek.

Pembinaan sebuah blok bangunan pejabat empat tingkat di atas lot 13743, Mukim Sitiawan ini menyediakan pelbagai fasiliti kepada warga LKIM Perak seperti sebuah dewan serbaguna, tempat letak kereta berbumbung dan tempat letak kereta tidak berbumbung, satu unit pondok pengawal dan satu unit pencawang elektrik.

Binaan LKIM Perak yang berkonsepkan seakan Ibu Pejabat LKIM di Pulau Meranti, Puchong, Selangor telah siap sepenuhnya pada 1 Januari 2015.

Ruang pejabat ini mampu memuatkan 62 kakitangan di mana dilengkapi dengan pejabat urusan bahagian di setiap tingkat seperti Bahagian Khidmat Pengurusan, Bilik Kelab Rekreasi, Kafeteria, Dewan LKIM; Bahagian Industri Asas Tani, Bahagian Audit Dalam, Bahagian Pemasaran & Perlesenan dan lain-lain lagi.



DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Berangkat ke Sambutan Hari Kebangsaan 2019 di Dataran Warisan Taiping



TAIPING 31 OGOS 2019 - DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim berkenan berangkat bagi meraikan Sambutan Hari Kebangsaan 2019 Peringkat Negeri Perak di Dataran Warisan Taiping.

Keberangkatan baginda juga diiringi DYTM Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; DYTM Raja Puan Besar Perak, Raja Nazhatul Shima Almarhum Sultan Idris Shah; DYAM Raja Di Hilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Almarhum Sultan Idris Shah dan DYAM Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Almarhum Sultan Abdul Halim.

Hadir sama YAB Menteri Besar, Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu dan isteri, YABhg. Datin Seri Dr. Nomee Ashikin Binti Dato' Mohammed Radzi; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman; YB Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Dato' Ngeh Koo Ham serta barisan EXCO Kerajaan Negeri Perak.

Sambutan hari kemerdekaan yang berlangsung itu juga turut dimeriahkan dengan kehadiran lebih 10,000 rakyat jelata terdiri dari kalangan pelbagai kaum dan lapisan umur sekitar negeri Perak.

Terdahulu, DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan memeriksa kawalan kehormatan utama terdiri daripada tiga pegawai dan 105 anggota lain-lain pangkat dari Rejimen Askar Jurutera Diraja 2 Divisyen Kem Sangro Taiping yang diiringi Brassband KD Pelanduk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Majlis sambutan dimulakan dengan bacaan ayat suci al-Quran dan doa sebelum diikuti oleh nyanyian lagu Negaraku dan upacara menaikkan Jalur Gemilang serta lafaz ikrar Hari Kebangsaan.

Selepas itu, tetamu kenamaan dan pengunjung dihiburkan dengan persembahan koir oleh 90 pelajar melalui gabungan tiga buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent, SMK Kampung Jambu dan SMK Klian Pauh yang menyampaikan tiga buah lagu.

Acara kemudian diteruskan dengan persembahan muzikal puisi Srikandi Gelang Emas Merdeka yang mengetengahkan elemen lakonan, deklamasi sajak dan gerak kreatif bagi mengenang Allahyarhamah Siti Rahmah Binti Kassim iaitu wanita pertama yang bangkit berjuang untuk kemerdekaan negara.

Pada sambutan hari kemerdekaan tahun ini, seramai 5,500 peserta mewakili lebih 111 kontinjen mengambil bahagian dalam perarakan perbarisan yang diwakili oleh jabatan kerajaan, pasukan beruniform, daerah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, sekolah, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan badan berkanun.

Turut mengambil bahagian ialah pasukan pancaragam sekolah dan kontinjen kenderaan yang disertai oleh pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan swasta.

Dalam pada itu, Taiping diperkenan sebagai lokasi sambutan Hari Kebangsaan bagi menzahirkan rasa kesyukuran seluruh rakyat jelata atas kejayaan Bandar Warisan Taiping dinobatkan sebagai bandar ketiga terbaik Anugerah 100 Destinasi Lestari Terbaik Dunia.

Selain itu, bandar Taiping juga mempunyai faktor signifikannya tersendiri kerana ia merupakan ibu negeri Perak pertama yang dahulunya dikenali sebagai Klian Pauh.


Sambutan Hari Kebangsaan
di Dataran Warisan Taiping
2019



Anggota Perkhidmatan Awam Komponen Penting kepada Kerajaan

IPOH, 22 JULAI 2019 - Anggota perkhidmatan awam merupakan komponen terpenting dalam memastikan rakyat mendapat perkhidmatan terbaik daripada dasar dan polisi yang diperkenalkan oleh kerajaan.

YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohammed Azmin Bin Ali berkata, perkara itu ditekankan kerana keberkesanan pentadbiran sesebuah kerajaan itu amat bergantung kepada kerjasama daripada anggota perkhidmatan awam.

"Walaupun kita ada perbezaan pandangan dan ideologi tetapi anggota perkhidmatan awam dan pihak eksekutif mempunyai matlamat yang murni untuk memberi khidmat yang terbaik.

"Maka dengan matlamat yang utama ini objektif saya mengajak seluruh anggota perkhidmatan awam di Perak di peringkat jabatan, agensi, daerah dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bergerak senada dan sederap dengan hasrat untuk melihat rakyat mendapat pelbagai manfaat," kata beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Silaturahmi Bersama Penjawat Awam Negeri Perak Oleh YAB Menteri Besar Perak dan YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi di Dewan Bankuet.

Hadir sama YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman; Barisan EXCO Kerajaan Negeri Perak; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Rohana Binti Abdul Malik dan Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Haji Abu Bakar bin Haji Said.

Terdahulu, majlis berkenaan turut dihadiri lebih 500 anggota perkhidmatan awam seluruh negeri Perak.



YAB Menteri Besar, Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu ketika menerima kunjungan hormat daripada YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohammed Azmin Bin Ali di Pejabat Menteri Besar Perak.

Selain itu, beliau berkata, sebanyak RM2.5 bilion diperuntukkan kepada kerajaan negeri Perak bagi projek yang melibatkan pembangunan negeri pada tahun ini.

"Pada tahun 2018, Perak hanya memperolehi RM1.4 bilion tetapi pada tahun ini peruntukan berkenaan telah meningkat kepada RM2.5 bilion.

"Peningkatan jumlah peruntukan juga membuktikan bahawa Kerajaan Pusat amat menyokong penuh pelbagai projek pembangunan termasuk di negeri Perak," katanya.



Persidangan Pertama Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua Dewan Negeri Yang Keempat Belas

Berlangsung Pada 23 Dan 24 Julai 2019

IPOH, 25 JULAI 2019 - Persidangan Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua Dewan Negeri Yang Keempat Belas Perak Darul Ridzuan berlangsung selama dua hari iaitu pada 23 Julai 2019 dan 24 Julai 2019.

Pada hari pertama persidangan dewan negeri, perkara yang dibentangkan adalah berkaitan Kertas Makluman Cetakan Baru Bagi Buku Kemudahan Elaun Dan Keistimewaan Yang Dipertua Dewan Negeri, Timbalan Yang Dipertua Dewan Negeri Dan Ahli Dewan Negeri berdasarkan Seksyen 5, Enakmen Anggota Pentadbiran dan Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2016.

Ia disusuli dengan Usul Membuat Resolusi bahawa Sesuai Dengan Prinsip Akauntabiliti Dan Ketelusan, Semua Ahli Dewan Undangan Negeri Perak Hendaklah Mengisytiharkan Harta Mereka Termasuk Isteri Atau Suami, Anak Dan Pemegang Amanah Dalam Akuan Berkanun Sebagaimana Yang Telah Ditetapkan Oleh Yang Dipertuan Dewan Negeri Perak.

Usul pengisytiharan harta tersebut telah dibentangkan oleh YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Pasir Bedamar, Tuan Terence Naidu.

Bagi persidangan kedua dewan negeri pula, pembentangan telah tertumpu kepada Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Berkaitan Perbadanan Menteri Besar (MB Inc) berdasarkan Perkara 78 Perintah Tetap.

Laporan tersebut meliputi cadangan untuk mengemukakan Usul menggunakan Perkara 26 (1) (r) Perintah Tetap dimana ia merangkumi Usul Penambahbaikan Urusan Pentadbiran Pengurusan MB Inc yang telah dikemukakan oleh YB ADUN Kawasan Malim Nawar, Tuan Leong Cheok Keng.



YB Speaker DUN Perak, Dato' Ngeh Koo Ham memasuki dewan persidangan

YAB Menteri Besar, Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) beragama Islam membaca doa sebelum persidangan bermula

250 Pesara terima Insentif Sempena Majlis Jasamu Dikenang Sesi 2 Tahun 2019

IPOH, 29 JULAI 2019 - Seramai 250 orang pesara menerima insentif daripada Kerajaan Negeri sempena Majlis Jasamu Dikenang Sesi 2 Tahun 2019 anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak yang berlangsung di Amanjaya Convention Centre 1&2 di Hotel Casuarina Meru.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu berkata, setiap pesara yang terdiri di kalangan bekas kakitangan jabatan-jabatan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan badan berkanun itu menerima insentif sebanyak RM4,000 seorang.

"Bagi penerima bumiputera, kerajaan negeri akan memberikan insentif dalam bentuk Sijil Amanah Saham Bumiputera (ASB) manakala penerima bukan bumiputera pula akan menerima insentif tersebut dalam bentuk Sijil Simpanan Premium (SSP)," ujar beliau ketika berucap pada majlis berkenaan.

Hadir sama YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman dan YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Abu Bakar Bin Haji Said.

YAB Menteri Besar Perak ketika menyampaikan sijil penghargaan kepada Mantan Pengarah UPEN, Puan Nor Eni Binti Ismail dalam majlis tersebut.

Beliau berkata, pemberian insentif daripada kerajaan negeri itu juga merangkumi para pesara yang telah berkhidmat dalam kumpulan pelaksana, bersara wajib atau pilihan, berusia 50 tahun ke atas serta berkhidmat 20 tahun dan lebih di dalam perkhidmatan negeri.

Selain itu, tambah beliau, majlis itu turut dilangsungkan bagi meraikan ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan yang telah bertukar ke luar dari negeri Perak.

YAB Menteri Besar, Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu bersama 250 penerima insnetif yang terdiri dikalangan pesara perkhidmatan negeri

KEMPEN SAYANGI SAWITKU

PUPUK SEMANGAT KECINTAAN TERHADAP MINYAK SAWIT

IPOH, 28 OGOS 2019- Kerajaan negeri menegaskan Kempen Sayangi Sawitku yang digerakkan oleh Kementerian Industri Utama bertujuan memupuk semangat kecintaan dan kebanggaan terhadap minyak sawit yang menjadi antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara.

YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu berkata, perkara ini penting kerana komoditi sawit sedang berdepan cabaran berikutan ada di kalangan Negara Eropah telah menggerakkan kempen anti-sawit yang didakwa menyebabkan berlaku pelbagai kesan negatif.

"Kempen ini amat bertepatan tatkala kita sedang berdepan dengan kejatuhan harga komoditi minyak sawit dalam pasaran dunia dan penyebab kepada kejatuhan harga komoditi minyak sawit adalah disebabkan kelemahan permintaan susulan sentimen anti-minyak sawit di Benua Eropah.

"Selain itu, kempen negatif ini dibuat berlatarbelakangkan kepada andaian bahawa industri sawit dikaitkan dengan aktiviti tidak mesra alam termasuk pembangunan tanaman sawit yang menyebabkan penyahhutanan, kehilangan biodiversiti, pelepasan gas rumah hijau dan juga pemusnahan habitat hidupan liar," ujar beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Kempen Sayangi Sawitku Bersama Penjawat Awam Negeri Sempena Lawatan Kerja YB Menteri Industri Utama ke Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Hadir sama YB Menteri Industri Utama, Puan Teresa Kok; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman dan barisan EXCO Kerajaan Negeri Perak.

Beliau berkata, kempen negatif digerakkan Negara Eropah itu juga memberi kesan kepada sektor pertanian kelapa sawit di mana terdapat 406 ladang dengan keluasan keseluruhan 212,402 hektar yang melibatkan jumlah tenaga buruh seramai 24,036 orang di Perak sehingga Jun 2019.

"Ini belum mengambil kira jumlah pekerja di 45 buah Kilang Kelapa Sawit, empat buah Kilang Pelumat Isirung Sawit dan empat buah Kilang Penapis yang beroperasi di negeri ini.

"Bagi saya, perkara ini akan memberi kesan kepada puluhan malahan ratusan ribu pekerja yang berada dalam rantaian pengeluaran, pemprosesan, pembekalan dan peruncitan ekosistem minyak sawit negara terutama di Perak," katanya.

Selain itu, YAB Menteri Besar, Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu berharap pihak berwajib akan sentiasa mengadakan pelbagai program bagi mendengar permasalahan pengusaha-pengusaha yang kini berhadapan dengan ketidakstabilan harga komoditi sawit.





Perak Komited Jadi Penyumbang Utama Sektor Pertanian Negara

IPOH, 28 SEPTEMBER 2019- Kerajaan negeri komited untuk menjadikan Perak sebagai antara negeri utama yang menjadi penyumbang kepada sektor pertanian negara.

YAB Menteri Besar, Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu berkata, perkara itu bertepatan dengan titah DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah supaya kerajaan menghasilkan pelan strategik untuk melindungi kedaulatan makanan negara sekali gus mengekang kenaikan kos sara hidup rakyat jelata.

Beliau berkata, bagi menjunjung titah baginda kerajaan negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) telah memulakan langkah membangunkan Perak Agro Valley di Wilayah Bukit Sapi Mukim Lenggong seluas 1,983.68 hektar.

"Usaha ini melibatkan beberapa agensi seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar, Pertubuhan Peladang Kawasan dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Adalah dijangka, Perak Agro Valley yang berkonsepkan Pertanian Integrasi melibatkan tanaman-tanaman kontan, tanaman sayur-sayuran, dusun buah-buahan dan penternakan kambing, lembu dan rusa ini, mampu menarik pelaburan berjumlah RM1.4 bilion," ujar beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Agrofest Negeri Perak 2019 di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng.

Hadir sama YB Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan Negeri, Tuan Abdul Yunus Bin Jamhari dan YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri, Dato' Seri Ir. Haji Mohammad Nizar Bin Jamaluddin.

Selain itu, menurut beliau, bagi membantu memenuhi hasrat rakyat yang berminat dalam bidang pertanian tetapi tidak memiliki tanah sendiri, PPPNP juga telah melaksana dan merangka beberapa Projek Ladang Integrasi Bersama Rakyat di ladang-ladang milik agensi berkenaan.

"Sebagai contoh di Ladang Gelong Gajah, enam orang penternak telah terpilih untuk menyertai projek integrasi tanaman sawit dan ternakan 200 ekor lembu. Saya difahamkan beberapa projek seumpamanya telah dan sedang diusahakan di beberapa daerah lain," kata beliau.

Tambah beliau, semua inisiatif yang digerakkan ini juga adalah serampang dua mata bagi memberi keadilan sosial kepada rakyat Negeri Perak dengan mewujudkan peluang keusahawanan dan pekerjaan.

Mengulas tentang Agrofest Perak 2019, kata beliau, penganjuran program berkenaan merupakan salah satu usaha kerajaan negeri dalam mempromosikan sektor pertanian terutamanya Dasar Agromakanan Negara kepada rakyat negeri.

"Ingin saya tegaskan di sini sekali lagi bahawa kerajaan negeri amat komited kepada agenda merakyatkan ekonomi melalui sektor pertanian dan industri asas tani," ujar beliau.



Program Kelestarian Felda Zon Utara & Pewaris Muda Peringkat Negeri Perak 2019

Program Kelestarian Felda Zon Utara & Pewaris Muda Peringkat Negeri Perak 2019 telah diadakan pada 13 Julai 2019 bertempat di Dewan Semai Bakti Felda Nenering, Pengkalan Hulu. Pengunjung terdiri daripada warga Felda Wilayah Utara iaitu Nenering, Lawin Utara, Lawin Selatan, Papulut dan Bersia.

Salah satu tujuan program ini adalah untuk memberi pendedahan serta informasi kepada rakyat berkaitan inisiatif kerajaan dalam menjaga kesejahteraan masa hadapan warga FELDA.

Pelbagai aktiviti dianjurkan seperti senamrobik, pertandingan mewarna, pertandingan memasak, sukaneka dan gotong-royong. Terdapat juga pameran perkhidmatan dari pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pertanian, Telekom Malaysia, Yayasan Perak, Amanah Ikhtiar Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia serta edaran cermin mata percuma bagi 200 pengunjung terawal.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak turut membuka kaunter aduan rakyat bagi menerima aduan dan permasalahan pengunjung dan penduduk sekitar. Penganjuran program ini telah menjadi platform komunikasi dua hala antara rakyat dan kerajaan.




KEJORA
GARDEN
RESORT
Pulau Pangkor
PANGKOR
Pulau Bebas Cukai

SESI TOWNHALL
BERTUJUAN DAPATKAN PANDANGAN
MASYARAKAT PULAU PANGKOR



PANGKOR, 17 JULAI 2019 - Lebih 300 individu menghadiri Sesi Townhall Perjumpaan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Bersama Masyarakat Pangkor Berkaitan Pulau Pangkor sebagai pulau bebas cukai yang berlangsung di Kejora Garden Resort.

Perjumpaan yang berlangsung selama dua jam itu diadakan bertujuan untuk mendapatkan pandangan, cadangan dan aspirasi masyarakat setempat berkaitan penambahbaikan sewajarnya yang perlu dilakukan sebelum pengiktirafan Pulau Pangkor sebagai pulau bebas cukai pada 1 Januari 2020.

YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman berkata, semua cadangan, pandangan selain aspirasi yang telah dikemukakan para penduduk itu akan dipertimbangkan dan sekiranya bersesuaian ia akan diambil tindakan oleh pihak berwajib.

"Saya menghargai setiap pandangan, cadangan dan aspirasi yang telah dikemukakan oleh para hadirin yang menyertai sesi townhall yang kita anjurkan ini.

"Pada masa yang sama, perkara-perkara yang telah diajukan kepada pihak kami itu akan diambil catatan dan tindakan sekiranya ia dirasakan bersesuaian dan memberi impak positif kepada Pulau Pangkor," ujar beliau dalam sesi townhall tersebut.

Terdahulu, selain sesi townhall berkenaan, YB Setiausaha Kerajaan Negeri turut menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Infrastruktur Pulau Pangkor, Lawatan Tapak dan Taklimat Rancangan Pembangunan selain Mesyuarat Keselamatan Pulau Bebas Cukai Pulau Pangkor.

Turut hadir YBrs Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Tuan Haji Muaz Bin Haji Zawawi; Pegawai Daerah Manjung, Dato' Mohamad Fariz Bin Mohamad Hanip dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung (MPM), Yang Dipertua MPM, Tuan Syamsul Hazeman Bin Md Salleh.

Beliau berkata, pihaknya juga berharap kerjasama daripada penduduk Pulau Pangkor khususnya dalam aspek kebersihan dan keindahan Pulau Pangkor dapat diberikan penumpuan bagi memastikan ia berada pada tahap terbaik.

"Kita mahu kedua-dua aspek berkenaan dititikberatkan kerana ia merupakan antara indikasi penting untuk menarik kedatangan lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara. Oleh yang demikian, kerjasama daripada penduduk setempat amat diperlukan dalam memastikan kedua-kedua perkara ini berada pada tahap terbaik," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, YB Setiausaha Kerajaan Negeri berkata, sesi townhall itu akan diadakan dari semasa ke semasa untuk memastikan pelbagai perkara berbangkit dapat diatasi dan diselesaikan dengan lebih efisien.

Di samping itu, Pejabat Daerah dan Tanah Manjung serta Majlis Perbandaran Manjung akan meneruskan beberapa siri townhall bersama para pengusaha, peniaga dan masyarakat setempat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pembangunan Pangkor menuju Pulau Bebas Cukai 2020.

Pulau

PULAU BEBAS



BATU BERSURAT BELANDA

01



Batu Bersurat ini terletaknya di tepi pantai kira-kira 100 meter dari Kota Belanda, Kampung Teluk Gedung. lanya berhampiran dengan kawasan perkampungan nelayan. Lakaran yang diukir pada permukaan batu bersurat ini mempamerkan bentuk seekor harimau yang menyerang sesuatu (dipercayai dilukis oleh seorang budak)

Terdapat juga dua bulatan berbentuk daun dan perkataan Belanda serta Inggeris iaitu "If Carlo 1743".

KILANG SATAY IKAN DAN SOTONG

Tidak lengkap kunjungan anda ke Pulau Pangkor, sekiranya tidak melawat sendiri kilang pemprosesan satay ikan dan sotong. Produk hasil laut ini antara yang popular dan mendapat permintaan tinggi dari dalam dan luar negara. Salah satu kilang yang boleh anda kunjungi ialah di Kampung Sungai Pinang Kecil. lanya diusahakan oleh penduduk tempatan. Anda boleh mencuba sendiri bagaimana cara dan pembukusan yang dilakukan dengan pantas oleh pekerja- pekerja yang mahir.

04



05



PANTAI PASIR BOGAK

Pantai Pasir Bogak terletak kira-kira 3km dari Pekan Pangkor. Untuk sampai ke pantai ini, pengunjung hanya mengambil masa lebih kurang 10 minit perjalanan dari Jeti Pulau Pangkor. Panjang pantai ini lebih kurang 1.3km. Pantai ini sangat sesuai untuk aktiviti perkelahan, mandi-manda, sukan air dan memancing.

08



PULAU GIAM

Terletak kira-kira 8km dari Pekan Pangkor yang berhadapan dengan pantai Teluk Nipah. Pulau yang terkenal dengan kejernihan airnya ini, sememangnya popular untuk aktiviti *snorkelling*. Pelancong berpeluang melihat sendiri keindahan pemandangan batu karang di dasar laut. Anda juga boleh menyelam untuk melihat dengan lebih jelas habitat kehidupan Timun Laut dan kepelbagaian spesis ikan yang menarik perhatian. Penggemar sukan air juga boleh melakukan aktiviti berkumpulan seperti bermain jet ski, menunggang banana bot, berkayak dan mengelilingi pulau dengan kapal layar.

09



GALERI PANGKOR

Sebuah galeri yang memberi info sejarah tentang Pulau Pangkor. Galeri kecil ini terletak kira-kira 3km dari Jeti Pangkor. Selain dari informasi sejarah, ia juga mempamerkan peralatan tradisional yang digunakan oleh nelayan seperti bubu laut, kukus ikan dan perahu. Senaskah Al-Quran tulisan tangan dari Acheh Indonesia antara khazanah menarik pengunjung. Naskah ini diperolehi dalam misi penyelamat khazanah Islam selepas peristiwa tsunami 2005.

Pangkor

CUKAI



KOTA BELANDA

Kota Belanda terletak di kampong Teluk Gedung iaitu di Selatan Pulau Pangkor (15 minit dari Jeti Pulau Pangkor). Kota yang berusia 324 tahun ini dibina pada tahun 1680. Ia merupakan sebuah kota batu binaan penjajah Belanda iaitu penjajahan pertama Eropah di Perak. Tujuan pembinaannya ialah sebagai sebuah kubu pertahanan bagi mengelakkan serangan lanun dan penduduk tempatan yang memberontak terhadap pemerintahan penjajahan Belanda. Kota ini juga berfungsi untuk mengawal laluan barang dagangan di Perak terutamanya bijih timah.



FOO LIN KONG

Terletak di kaki bukit di Kampung Sungai Pinang Kecil, Pulau Pangkor iaitu 5 minit daripada Jeti Sungai Pinang Kecil. Taman yang memaparkan keindahan dan keunikan seni reka dari negara China ini, dihiasi dengan landskap yang menarik seperti Mini Tembok Besar China, kolam yang mengandungi pelbagai spesis ikan air tawar dan pondok rehat. Keseronokan melayani ribuan ikan-ikan yang jinak ini, menghadiahkan anda pengalaman yang belum pernah anda rasai.



PANTAI TELUK NIPAH

Antara Pantai yang tercantik dan popular di kalangan pelancong. Terletak kira- kira 6km dari Jeti Pulau Pangkor. Terkenal dengan keindahan pantainya yang memutih serta air laut yang kebiruan dan kehijauan. Pelbagai aktiviti sukan air boleh dilakukan selain dari berkhemah dan berkelah bersama keluarga. Teluk Nipah antara kawasan persinggahan 11 spesis burung Hornbill yang terbang bebas menanti kunjungan anda. Berhadapan pulau ini anda dapat melihat keindahan Pulau Mentangor dan Pulau Giam iaitu 5 minit perjalanan dengan menaiki bot dan 15 minit berkayak.

KILANG SATAY IKAN / SOTONG

GALERI PANGKOR

PEKAN PANGKOR

KOTA BELANDA

BATU BERSURAT



PANTAI TELUK DALAM

Pada yang inginkan ketenangan untuk merasai sendiri kehidupan masyarakat nelayan, Pantai Teluk Dalam adalah pilihan yang tepat kerana ianya merupakan kawasan perkampungan pulau nelayan pertama terletak di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Daya tarikan utama di sini ialah tradisi komuniti nelayan berbilang kaum yang tinggal di persisiran pantai. Anda juga berpeluang melakukan aktiviti riadah seperti merentas hutan, *snorkelling*, *scuba diving*, berbasikal dan memancing.



KAMPUNG PENYU PULAU PANGKOR

Pusat pendaratan penyu Pulau Pangkor mempunyai lebih 40 sarang penyu dan jumlah tersebut meningkat setiap tahun sehingga dipilih menjadi lokasi kedua pusat pendaratan penyu utama di Perak selain di Segari.
Waktu Operasi Pusat Pengurusan Penyu Pangkor :
Setiap Hari
- 10.00 pagi hingga 2.00 petang
- 4.00 petang hingga 7.00 malam

Menuju PANGKOR PULAU BEBAS CUKAI 2020 : Kerajaan Negeri Lancar LOGO BAHARU

TAIPING, 29 OGOS 2019 - Kerajaan negeri melancarkan logo baharu Pulau Pangkor dalam usaha memberikan nafas baharu kepada industri pelancongan di pulau peranginan berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Tuan Tan Kar Hing berkata logo itu akan memberikan imej baharu kepada pengunjung ke Pulau Pangkor dalam usaha kerajaan untuk mempromosikan Pulau Pangkor sebagai pulau bebas cukai menjelang 1 Januari 2020.

"Ada beberapa program untuk meningkatkan kemudahan di pulau itu seperti perkhidmatan pengangkutan, latihan kempen kesedaran, program Mesra Malaysia anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya pada setiap bulan kepada pengusaha pelancongan dan pengedaran risalah bercetak dan digital bagi mempromosikan Pulau Pangkor.

"Program tersebut akan diadakan sepanjang tahun ini sebagai persiapan untuk pelancaran Pangkor sebagai pulau bebas cukai," ujar beliau.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Logo Pangkor Pulau Bebas Cukai di Majlis Perbandaran Taiping.

Logo baharu itu menggambarkan identiti Pulau Pangkor sebagai salah satu destinasi percutian dengan memuatkan beberapa simbolik ikon Pulau Pangkor seperti ikan bilis mata biru yang merupakan salah satu produk hasil laut yang popular di pulau tersebut serta burung enggang yang banyak kelihatan di sekitar pulau ini.

Manakala ombak laut dan pokok kelapa pula sebagai simbolik kehidupan flora dan fauna di pantai Pulau Pangkor yang indah dan bersih yang sinonim dengan kehidupan harian penduduk tempatan dan pengalaman percutian pelancong di Pulau Pangkor.

Menurut beliau, pihaknya juga akan memastikan masalah kebersihan dan hospitaliti di pulau berkenaan dapat ditangani berikutan bakal menerima pengunjung dari dalam dan luar negara.

Sementara itu, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman berkata, kerajaan negeri memperuntukkan bajet awalan sebanyak RM10 juta untuk menaik taraf setelah mendapat peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menaik taraf kemudahan dan infrastruktur di Pulau Pangkor.

"Kita juga akan membuat kunjungan kepada Kementerian Kewangan untuk membuat pembentangan kepada kementerian itu dan berharap untuk mendapatkan sedikit lagi bajet bagi melaksanakan beberapa projek lain di Pulau Pangkor.

"Saya juga telah membuat pertemuan dengan pemandu-pemandu teksi di Pulau Pangkor dan kita sedang memikirkan kaedah di mana Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Pengangkutan dapat membantu sistem pengangkutan," kata beliau.

KENANG MASA



PANGKOR
Pulau Bebas Cukai

PROJEK NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN

PULAU PANGKOR

KE ARAH Pulau Bebas Cukai



Kerajaan Negeri Perak begitu komited dalam memastikan Pulau Pangkor membangun dalam persediaan menuju status pulau bebas cukai yang dijadualkan pada 1 Januari 2020. Bagi merealisasikan status tersebut, satu pelan pembangunan bagi Pulau Pangkor telah disediakan dengan peruntukan sekitar RM468.1 juta diperlukan oleh kerajaan negeri. Pelan pembangunan yang melibatkan 17 projek keutamaan ini merangkumi pembinaan Terminal Jeti, kerja-kerja naik taraf infrastruktur, pengindahan dan pencahayaan sekitar Lumut dan Pulau Pangkor.

Sehubungan itu, kerajaan negeri telah memohon peruntukan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) bagi merealisasikan pelan pembangunan tersebut. Di peringkat awal, MEA telah telah meluluskan sebanyak RM2 juta kepada pihak Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) bagi memulakan kajian Pelan Pembangunan Pulau Pangkor.

Atas inisatif Kerajaan Negeri Perak, Pejabat Kewangan Negeri (PKN) telah meluluskan peruntukan sedia ada sekitar RM4 juta (RM4,064,061) bagi memulakan projek-projek pembangunan awalan untuk memastikan kejayaan Pulau Bebas Cukai (PBC) Pangkor.

Melalui peruntukan yang diluluskan oleh PKN itu, sebanyak tujuh projek naik taraf dan pembinaan sedang dilaksanakan antaranya kerja naik taraf Jeti Sementara (Penumpang) di Jeti Utama Pulau Pangkor; naik taraf Jeti Sementara (Kargo); pembinaan 12 unit gerai di Dataran Kurma; naik taraf Laluan Pejalan Kaki di Pekan Pangkor, Pasir Bogak dan Teluk Baharu; kerja-kerja berkaitan infrastruktur serta pembinaan sebuah tandas awam di Teluk Baharu.

Selain peruntukan yang disalurkan PKN, Majlis Perbandaran Manjung (MPM) dan Pejabat Daerah & Tanah Manjung juga telah membuat sesi libat urus dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Melalui sesi libat urus itu, MPM dan Pejabat Daerah & Tanah Manjung telah mendapat

Karnival Lenggong

Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-7
Pengiktirafan Lembah Lenggong

Seramai lebih kurang 4,500 pengunjung dan peserta telah hadir memeriahkan Karnival Lenggong 2019 yang diadakan selama tiga hari bermula 12 hingga 14 Julai 2019 di Dataran Lenggong dan Galeri Arkeologi Lembah Lenggong.

Karnival anjuran bersama Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak ini diadakan bersempena Sambutan Ulang Tahun Ke-7 Pengiktirafan Lembah Lenggong Sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Program telah dirasmikan oleh YBrs. Cik Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) mewakili YB Menteri Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia.

Turut hadir, YB Abdul Yunus bin Jamahri, EXCO Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perdagangan Negeri Perak.

Pelbagai pengisian menarik sepanjang karnival seperti Tunas Arkeologi, Mai Kayuh Lenggong dan Kembara Warisan Arkeologi Lenggong. Terdapat juga jualan-jualan produk tempatan serta makanan tradisi Lembah Lenggong yang kebanyakannya telah diiktiraf sebagai makanan warisan dan telah diinventorikan oleh Jabatan Warisan Negara.



Program AGROFEST 2019 sasar nilai jualan RM5juta

IPOH, 19 SEPTEMBER 2019- Kerajaan negeri menyasarkan sebanyak RM5 juta nilai jualan sempena Program Agrofest Perak 2019 yang akan berlangsung pada 26 hingga 29 September di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan Negeri Tuan Abdul Yunus Bin Jamhari berkata, jumlah sasaran nilai jualan itu dianggap realistik memandangkan ia akan melibatkan 130 gerai pameran yang melibatkan usahawan tempatan, agensi dan jabatan kerajaan.

"Kalau pada 2017, nilai jualan untuk program ini adalah sebanyak RM3.8 juta dan kali ini kita rasa jumlah itu akan meningkat kepada RM5 juta atau lebih.

"Kita anggap ia realistik dengan sasaran pengunjung seramai 500,000 selain pelbagai gerai pameran yang dibuka kepada orang ramai meliputi Industri Asas Tani (IAT), jualan terus daripada ladang, florikultur, foodtrucks dan lain-lain," kata beliau ketika sesi sidang media di Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Beliau berkata, pada program kali ini pihak penganjur juga akan membuka tujuh laman pameran kepada orang ramai melibatkan kluster pertanian, penternakan, perikanan, teknologi dan inovasi, kraftangan, agrotourism serta jabatan kerajaan.

"Setiap tujuh kluster ini akan ada aktiviti dan program masing-masing sepanjang program berlangsung. Pengunjung juga akan mengetahui dengan lebih dekat berkaitan peranan setiap kluster ini," kata beliau.

Beliau berkata, antara kelainan ditampilkan pada program kali ini adalah segmen 'empayar makanan' yang bakal menghimpunkan pelbagai makanan popular di seluruh Negeri Perak.

"Ia sepertimana yang ditampilkan pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA 2018) dan kita bawa pertama kali konsep ini ke dalam Agrofest Perak," kata beliau.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya akan menyampaikan anugerah bagi 13 kategori yang telah dipertandingkan sebagai tanda penghargaan kepada warga pertanian di Perak.

"Antara kategori itu adalah Peladang Jaya, Peladang Nita Jaya, Nelayan Jaya, Penternak Jaya, Usahawan Ikan Jaya, Agroprenuer Muda Jaya, Unit Peladang Jaya, Kumpulan Tani Komersial Jaya, Pertubuhan Peladang Kawasan Jaya, Persatuan Nelayan Kawasan Jaya, Anugerah Inovasi Pertanian dan Industri Asas Tani Jaya, Anugerah Pemasar Tani Jaya, Kelompok Padang Ragut," ujar beliau.



Program Kelestarian Felda
bantu peneroka
selesai masalah

SUNGAI SIPUT, 21 JULAI 2019 - Program Kelestarian Felda yang dilaksanakan di negeri ini bertujuan memudahkan masyarakat Felda mengemukakan pelbagai aduan dan masalah kepada jabatan dan agensi kerajaan negeri menerusi kaunter pameran yang disediakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia, NGO dan Penerangan Negeri Tuan Hasnul Zulkarnain Bin Abd. Munaim berkata program yang dilaksanakan kerajaan negeri dan Felda itu mampu mengatasi kegusaran dan keresahan masyarakat peneroka yang kini berdepan dengan masalah kewangan yang meruncing.

"Kita hendak mendedahkan bagaimanakah cara untuk kita membawa aduan itu daripada masyarakat dan menyelesaikannya kerana rata-rata yang datang ke program ini adalah di kalangan warga emas.

"Ini merupakan sentuhan komunikasi di antara kerajaan negeri serta Felda dan saya percaya ia akan menjadi keyakinan dalam kalangan penduduk Felda menerusi program ini," ujar beliau pada sidang media selepas merasmikan program berkenaan di Felda Lasah.

Turut hadir Pegawai Daerah Kuala Kangsar, Encik Ahmad Munir Bin Ishak dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Lintang, Encik Hairul Amir Bin Sabri.

Beliau berkata Felda Lasah dipilih adalah lokasi ketiga penganjuran program berkenaan selepas Felda Besout di Tanjung Malim dan Felda Nenering di Pengkalan Hulu dan akan diteruskan ke kawasan Felda yang lain.

"Terdapat, 17 kawasan Felda yang di negeri ini dan Felda Lasah merupakan yang ketiga dipilih bagi menjayakan program ini selepas Felda Besout dan Felda Nenering," ujar beliau.

Program sehari itu menyediakan pelbagai pameran jabatan dan agensi kerajaan, permohonan Kolej Komuniti serta permohonan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Baitulmal selain menyediakan secara percuma pokok anak durian, cermin mata dan pemeriksaan kesihatan kepada orang ramai.

Penubuhan KHM Demi Memenuhi Aspirasi Rakyat



YB Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Gobind Singh Deo bersama para penerima dekoder myFreeview yang terdiri dikalangan penduduk kawasan Manjoi.

IPOH, 27 JULAI 2019 - Komuniti Harapan Malaysia (KHM) yang ditubuhkan akan dipertanggungjawabkan untuk membantu menyampaikan maklumat kerajaan dan memenuhi aspirasi rakyat serta mengimarahkan semangat perpaduan dalam kalangan mereka.

Dalam hal ini, YB Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Gobind Singh Deo menegaskan tanggungjawab berat menunggu calon yang dipilih menganggotai jawatankuasa KHM berkenaan.

"Ahli jawatankuasa KHM menggalas tanggungjawab besar dalam membantu mengumpul segala maklum balas mengenai harapan, aspirasi serta isu-isu yang dihadapi komuniti setempat.

"Ini penting supaya maklumat dari bawah sampai kepada kerajaan untuk membolehkan kerajaan mengambil tindakan sewajarnya dalam menangani dan memenuhi harapan rakyat," kata beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis Program Kembara Digital Malaysia Sempena Sambutan Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinfomasi Sedunia di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru.

Program yang dirasmikan oleh YB Tuan Hasnul Zulkarnain bin Abdul Munaim Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO itu turut dihadiri oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia dan Sukan, Tuan Howard Lee Chuan How.

Beliau berkata 1,428 KHM disasar ditubuhkan di seluruh negara dan sehingga kini 658 KHM telah diluluskan penubuhannya dalam fasa pertama manakala fasa seterusnya dibuat secara berperingkat.

"Sebanyak 142 KHM akan ditubuhkan di Perak dengan jangkaan keahlian 7,000 orang," kata menteri itu.

Tambah beliau, berdasarkan kertas perancangan, KHM akan dibentuk dengan sekurang-kurangnya 50 orang dari komuniti setempat terdiri daripada 15 ahli jawatankuasa yang akan mentadbir dan 35 orang lagi sebagai ahli biasa.

Beliau menarik perhatian bahawa pelaksanaan KHM sebagai rakan strategik kerajaan melalui platform yang disediakan Jabatan Penerangan turut menjadi medium bagi menyemai dan memupuk semangat perpaduan serta toleransi dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, bangsa dan agama.

"Dengan wujudnya rakan strategik antara rakyat dan kerajaan ini, ia pasti membawa kepada pencapaian pembangunan negara yang mampan kerana mendapat sokongan padu daripada komuniti di peringkat akar umbi," ujar beliau.



USUL DEWAN BELIA PERAK

MENJADI INPUT DASAR KERAJAAN NEGERI

IPOH, 17 Ogos 2019 – Usul-usul yang dibentang dan dibahas sepanjang Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Dewan Belia Yang Kedua Perak Darul Ridzuan akan menjadi input kepada dasar kerajaan negeri.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia dan Sukan, Tuan Howard Lee Chuan How menyatakan kerajaan Negeri Perak sentiasa berfikir ke hadapan dalam pembangunan belia dan menitik berat pandangan anak muda.

"Justeru, pandangan golongan belia amat penting kepada kerajaan negeri dalam menyediakan persekitaran terbaik bagi belia menonjolkan potensi diri masing-masing", kata beliau semasa ucapan perasmian bagi mewakili YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan.

Persidangan pada kali ini bakal memperlihatkan beberapa penambahbaikan berbanding pelaksanaan persidangan sebelum ini di mana antaranya adalah undian pada kali ini dijalankan secara bertulis dan keputusan akan diisytiharkan oleh speaker tanpa menyatakan bilangan undi.

Tambah beliau, tatacara baru yang lain adalah ususl-usul yang diluluskan akan dibawa secara rasmi ke Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) seterusnya laporan tindakan usul akan menjadi laporan standard untuk dimaklumkan kepada semua ahli dewan belia.

Persidangan Dewan Belia Negeri Perak yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini akan membahaskan lima usul seperti berikut:

1. Penubuhan Perak Volunteer Community (PAVI) Bagi Merancakkan Penglibatan dan Aktiviti Sukarelawan Belia Berstruktur Di Negeri Perak.
2. Perak Heritage Trail Wadah Pemeliharaan dan Pemuliharaan Tempat Bersejarah di Negeri Perak.
3. Pemeriksaan Aliran Vokasional Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Negeri Perak.
4. Memperluas dan Memperkasa Perak Youth Hub Ke Setiap Daerah Di Negeri Perak.
5. Usaha Kerajaan Negeri Perak Menjadikan Negeri Mesra Alam Tanpa Beg Plastik.





41 ANAK PERAK TERIMA ANUGERAH PINJAMAN BOLEH UBAH SESI 2019/2020

IPOH, 20 Ogos 2019 – 41 orang graduan Ijazah Sarjana Muda telah menerima Anugerah Pinjaman Boleh Ubah semasa Majlis Penyerahan Cek Pinjaman Pengajian Tinggi Sesi 2019/2020, hari ini.

Pinjaman boleh ubah ini dianugerahkan kepada peminjam yang telah memperoleh kelas pertama dalam pengajian bidang masing-masing dari university dalam dan laur Negara.

Antara penerima anugerah tersebut adalah Raudhah Adibah Ahmad Zubir dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Syarmini a/p Rajendran dari Saveeta University dan Cheng Karmen dari Royal College of Medicine Perak (RCMP).

Raudhah Adibah, graduan Pendidikan Vokasional (Binaan Bangunan) UTHM melahirkan rasa gembira atas penerimaan biasiswa tersebut yang memudahkannya membiayai sepanjang tempoh pengajian.

Encik Rajendran, bapa kepada Syarmini menyifatkan pinjaman boleh ubah ini sangat membantu bagi menampung pembiayaan pendidikan anak beliau, dalam bidang pengajian pergigian di Saveetha University, India.

"Saya sangat bersyukur kepada Kerajaan Negeri Perak kerana memberikan biasiswa kepada anak saya dan menerimanya dengan hati yang terbuka atas keprihatinan kerajaan negeri", ujar beliau.

Terdahulu, Kerajaan Negeri Perak telah menawarkan pembiayaan dalam bentuk pinjaman kepada 500 anak Perak terdiri daripada 95 penerima peringkat diploma, 361 penerima ijazah sarjana muda, 22 penerima ijazah sarjana dan 22 penerima ijazah falsafah.

Kerajaan negeri turut menawarkan pemberian rebat sebanyak 20% mulai 1 Ogos 2019 sehingga 31 Disember 2019 kepada peminjam sedia ada yang ingin membayar keseluruhan baki pinjaman mereka.

Insiatif ini adalah bertujuan untuk menggalakkan peminjam sedia ada untuk membayar balik sekali gus meningkatkan jumlah kutipan bayaran balik bagi membantu menambahkan bilangan pelajar yang ditaja Pinjaman Pengajian Tinggi pada masa hadapan dengan menggunakan semula nilai penambahan kutipan yang diperoleh.





60 USAHAWAN terima pembiayaan berjumlah RM730,500

IPOH, 19 SEPTEMBER 2019- Yayasan Perak telah meluluskan sebanyak 60 permohonan usahawan mikro melibatkan peruntukan sebanyak RM730,500 bagi pembiayaan Tabung Usahawan Yayasan Perak.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama dan Pendidikan Islam, Industri, Luar Bandar dan Pembangunan Usahawan Negeri, Tuan Haji Asmuni Bin Awi berkata, peruntukan yang diluluskan itu meliputi 14.6 peratus daripada dana keseluruhan tabung berkenaan yang berjumlah RM5 juta.

"Fasa pertama kelulusan telah kita berikan kepada 17 penerima (usahawan) dengan jumlah dana RM78,500 pada 20 Jun yang lalu manakala 43 penerima lagi dengan jumlah (dana) melibatkan RM652,000 kita berikan pada majlis hari ini.

"Pada ketika ini juga, kita telah menerima sebanyak 189 permohonan dan 80 daripadanya dalam proses penyelesaian. Kita harap ianya dapat diluluskan secepat mungkin kerana dana keseluruhan berjumlah RM5 juta itu perlu dihabiskan pada Oktober ini," kata beliau.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Kursus Pengurusan Kewangan dan Majlis Penyerahan Cek Tabung Usahawan Yayasan Perak di Pusat Pembangunan Usahawan, Meru Raya.

Beliau berkata, rata-rata usahawan yang menerima pembiayaan berkenaan terdiri dikalangan usahawan B40 dan menjalankan perniagaan dalam pelbagai sektor.

"Mereka ini ada yang buat perniagaan runcit, buka kedai makan, buat penternakan ikan, buka kedai 'hardware' dan sebagainya," ujar beliau.

Selain itu, menurut beliau, dana yang diperuntukkan daripada tabung berkenaan mendapat sambutan menggalakkan daripada usahawan negeri memandangkan pihaknya menerima permohonan baru hampir setiap hari.

"Kita cuba percepatkan untuk semak setiap permohonan. Kita akui adakalanya sedikit terlewat kerana tabung berkenaan baru sahaja diambil alih kerajaan negeri berikutan sebelum ini ia diuruskan oleh Yayasan Bina Upaya (YBU) iaitu badan bukan kerajaan (NGO) milik kerajaan terdahulu," kata beliau.

Bengkel PENUBUHAN Perbadanan Sukan

Bengkel Penubuhan Perbadanan Sukan Negeri Perak yang telah diadakan pada 21 Julai 2019 (Ahad) bertempat di M Roof Hotel dan Residence.

Bengkel Penubuhan Perbadanan Sukan Negeri Perak ini diharap dapat memberi penumpuan dan perbincangan secara khusus dan terperinci supaya setiap sudut dan aspek penubuhan Perbadanan ini diambil kira bagi memastikan ia dapat berfungsi dan bergerak dengan efektif dan efisien selari dengan tujuan perwujudannya dan mampu memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri dan masyarakat.





5,000 MERIAHKAN PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN dan KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG

YB Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO Negeri, Tuan Hasnul Zulkarnain Bin Abd Munaim menyampaikan Jalur Gemilang kepada Datuk Bandar Ipoh, Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim

IPOH, 4 OGOS 2019 - 5,000 rakyat Negeri Perak terdiri dari pelbagai kaum dan peringkat umur hadiri memeriahkan pelancaran bulan kebangsaan dan kempen kibar jalur gemilang peringkat negeri yang diadakan di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru.

Majlis pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO Tuan Hasnul Zulkarnain bin Abd Munaim mewakili YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan.

Sempena majlis pelancaran tersebut, rakyat diseru untuk berbangga dan menghayati maksud Jalur Gemilang untuk menunjukkan betapa kita sememangnya berbangga menjadi rakyat Malaysia.

"Sebagai contoh, warna merah pada Jalur Gemilang melambangkan keberanian, kesanggupan dan kegigihan anak Malaysia untuk melalui pelbagai rintangan demi memajukan negara.

Sebagai anak jati Malaysia, kita seharusnya menanam sifat tersebut secara positif di dalam diri masing-masing demi menyatakan perkara-perkara benar dan menjauhi perkara merosakkan yang pada akhirnya menghancurkan negara seperti rasuah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa atau menjadi hamba kepada Allah", ujar beliau ketika membacakan teks ucapan mewakili YAB Menteri Besar Perak

Turut hadir adalah YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Tuan Haji Zainal Azman bin Abu Seman; YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Industri dan Pemabungan Wilayah, Dato' Seri Ir. Haji Mohammad Nizar bin Jamaluddin; YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Puan Nor Sham binti Rahman dan YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Tuan Haji Mu'az bin Haji Zawawi.

Melalui ucapan pelancaran tersebut, rakyat turut diseru menghayati tema hari kebangsaan tahun ini iaitu'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih"

"Jika kita sentiasa menerapkan rasa kasih dan sayang terhadap negara. Insya Allah kita tidak sama sekali akan melakukan perkara-perkara yang kotor dan keji yang pada akhirnya menjahanamkan Negara ini," jelas beliau.

Pada majlis sama, beliau turut menyempurnakan pelepasan konvoi 30 kenderaan mewakili pelbagai jabatan dan agensi di Negeri Perak yang akan menjelajah ke semua daerah di Negeri Perak sehingga 31 Ogos ini.



Penjawat Awam Perlu Memupuk Semangat Perpaduan & Cintakan Negara







IPOH, 19 SEPTEMBER 2019 - Perpaduan merupakan elemen penting yang perlu dipupuk dan dihayati dalam diri setiap penjawat awam bagi memastikan kestabilan pentadbiran negara tercapai. Perpaduan yang rapuh akan menjejaskan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman berkata, rasa cinta kepada negara yang lahir dari semangat perpaduan akan membolehkan setiap penjawat awam mengekalkan keharmonian antara satu sama lain, mengamalkan budaya kerja yang cemerlang, berdisiplin dan berintegriti sekaligus membantu kerajaan negeri merealisasikan Pelan Pembangunan Negeri dan dasar-dasar semasa kerajaan negeri.

"Saya berharap bahawa kita (penjawat awam) bersamalah dalam mengeratkan perpaduan. Melalui titah ucapan DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan YAB Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu juga elemen (perpaduan) ini turut ditekankan.

"Jika elemen ini diterapkan dalam diri setiap penjawat awam, saya yakin kita boleh bekerja secara harmoni tanpa mengira bangsa dan agama," ujar beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan Warga Bangunan Perak Darul Ridzuan di Dewan Bankuet.

Hadir sama YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Rohana Binti Abd Malek dan YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Abu Bakar Bin Haji Said.

Perhimpunan berkenaan turut dihadiri lebih 500 penjawat awam negeri dari pelbagai jabatan dan agensi kerajaan.

Beliau berkata, pihaknya turut mengingatkan setiap penjawat awam supaya berhati-hati dan tidak menggunakan emosi dalam menyuarakan pendapat khususnya di media sosial berhubung sesuatu isu yang sensitif.

"Kalau kita baca sesuatu perkara di media sosial itu, sila timbang betul-betul kerana kadang kala ada pihak yang cuba mengapi-apikan (perkauman) sesuatu isu.

"Kita perlu bersabar, buat semakan dan sebagainya sebelum kita mengambil tindakan-tindakan yang mengikut emosi," kata beliau.



DYMM RAJA PERMAISURI PERAK

TUANKU ZARA SALIM

berkenan RASMI

PUSAT AKUATIK TUANKU ZARA



IPOH, 24 OGOS 2019- DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim berkenan menyempurnakan perasmian Pusat Akuatik Tuanku Zara Salim di Kompleks Sukan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

Turut berkenan hadir DYTM Raja Puan Besar Perak, Raja Nazhatul Shima Sultan Idris Shah dan DYAM Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Hadir sama YAB Menteri Besar, Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman serta YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia dan Sukan Negeri, Tuan Howard Lee Chuan How.

Melalui titah ucapan, DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim menegaskan bidang sukan berperanan dalam membina negara serta menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Sehubungan itu, titah baginda, dalam suasana meraikan 62 tahun kemerdekaan negara, kerajaan wajar memberikan perhatian serius untuk menerokai bidang sukan sebagai instrumen utama bagi mempergiatkan pelbagai aktiviti terutama melibatkan golongan remaja.

"Warga muda Malaysia yang diberikan ruang luas melalui pelbagai kegiatan sukan, InsyaAllah akan menjadi warga yang sihat, cergas dan berdisiplin.

"Mereka akan memiliki kemahiran sosial berkomunikasi yang berupaya membina semangat setia kawan dan berpasukan, berupaya menghargai kelebihan dan kekurangan seseorang insan, menampilkan sifat-sifat bertanggungjawab dan kepimpinan," titah baginda.

Selain itu, baginda bertitah sukan juga mempunyai pelbagai peranan termasuk membentuk watak dan keperibadian insan, mendidik seseorang mempunyai kekuatan minda, kekuatan emosi dan fizikal selain menjadikan individu lebih fokus, mempunyai sasaran, memiliki semangat juang, semangat ketahanan serta semangat bersaing.

"Sukan juga melatih insan untuk bersyukur dan menghargai peranan individu di sebalik sesuatu kejayaan, pada masa yang sama mendidik insan menerima ketewasan secara beradab, tidak merasa kecewa, sebaliknya berazam bangkit semula untuk menerokai kemenangan baharu," titah baginda.

Mengenai Pusat Akuatik baginda bertitah, ia mencatatkan satu sejarah peribadi kerana mengabadikan nama baginda.

"Lebih nostalgik lagi, sukan air, khususnya sukan renang amat rapat dengan diri Beta. Semasa berada dalam alam sekolah, Beta bergiat aktif di dalam sukan renang, sampai ke peringkat dipilih mewakili Negeri Perak," titah baginda.

Pusat Akuatik Tuanku Zara mempunyai sebuah kolam renang bertaraf antarabangsa, kolam terjun serta kolam memanaskan badan khas untuk atlet dan ia turut digunakan semasa Sukan Malaysia (SUKMA) pada September 2018.

Waktu operasi bagi Pusat Akuatik Tuanku Zara kepada orang awam terbahagi kepada tiga sesi iaitu dari jam 8.00 pagi-11.00 pagi, 1.00 petang- 4.00 petang dan 5.00 petang- 8.00 malam untuk hari Selasa hingga Ahad.

Manakala untuk hari Jumaat waktu operasi dikhususkan dari jam 8.00 pagi-11.00 pagi, 2.30 petang-5.30 petang dan 6.00 petang-9.00 malam.

Bagi warga emas pula waktu khas yang ditetapkan adalah ada pada hari Rabu minggu pertama setiap bulan dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi manakala untuk wanita ia dikhususkan pada hari Ahad minggu pertama dan ketiga setiap bulan dari jam 5.00 petang hingga 8.00 malam.

Selain itu, kadar bayaran yang ditetapkan pada hari biasa untuk kanak-kanak (1-12 tahun) RM2, dewasa RM3, warga emas (60 tahun ke atas) RM2, warga asing RM8 manakala golongan kurang upaya (OKU) adalah percuma.

Kadar bayaran pada hari minggu pula dikenakan kepada kanak-kanak (1-12 tahun) RM3, dewasa RM4, warga emas (60 tahun ke atas) RM3, warga asing RM10 manakala golongan kurang upaya (OKU) adalah percuma.

Pusat Akuatik Tuanku Zara juga akan ditutup pada setiap hari Isnin untuk kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan selain hari Cuti Kelepasan Am serta sepanjang kejohanan atau pertandingan berlangsung.



PUSAT AKUATIK TUANKU ZARA
PERAK DARUL RIDZ

DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim Berkenan Hadir Kejohanan Siri Ragbi 7 Sepasukan Kebangsaan 2019

IPOH 15 SEPTEMBER 2019 - DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim berkenan berangkat menghadiri Kejohanan Siri Ragbi 7 Sepasukan Kebangsaan 2019 yang berlangsung di Padang Ipoh.

Hadir sama menyaksikan kejohanan berkenaan adalah YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Pembangunan Modal Insan Negeri Perak, Tuan Howard Lee Chuan How dan YBhg Datuk Bandar Ipoh, Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim.

Dalam kejohanan itu, Terengganu muncul juara kategori kelompok utama atau 'Men Core' Kejohanan Siri Ragbi 7 Sepasukan Kebangsaan 2019 selepas mengalahkan Kelantan 24-5 dalam perlawanan akhir yang berlangsung.

Dalam Kategori Terbuka Wanita, Johor berjaya menundukkan pasukan tuan rumah, Perak 17-5 hasil *conversion* dan satu *try*.

Terdahulu dalam Kategori Lelaki Qualifier iaitu saingan bagi melayakkan penyertaan kelapan pasukan elit musim depan, Sabah mengalahkan Perlis, 14-0. Bagi aksi Lelaki Bawah 20 tahun, Kelantan menewaskan Negeri Sembilan 28-7, manakala kategori Wanita Bawah 20 tahun, Labuan mengalahkan Sabah 15-10 untuk muncul juara bagi kategori masing-masing.

Dalam pada itu, DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim turut berkenan menyampaikan hadiah kepada negeri yang memenangi setiap kategori dalam kejohanan terbabit.

Sentosa ECO PARK

Sentosa Eco Park yang dahulunya merupakan Kem PLKN Sentosa Chenderiang kini dibuka untuk orang awam sebagai sebuah pusat latihan dan kawasan penginapan pelancongan. Penjenamaan semula ini telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Dato' Seri Faizal bin Dato' Azumu pada 7 September 2019. YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan turut berkesempatan menyaksikan sesi tandatangan memoradum persefahaman antara pihak Sentosa Eco Park dan Kolej Vokasional sempena Program Jom Kenali KV yang diadakan serentak dengan majlis perasmian penjenamaan semula tersebut.

Terletak di sebelah utara bersempadan dengan Hutan Simpan Bujang Melaka dan kawasan tadahan hujan Sungai Cincin, Tapah, pengunjung Sentosa Eco Park boleh menikmati kehijauan dan keindahan alam semula jadinya yang menyisihkan kawasan ini daripada kesibukan kota. Perjalanan ke kem ini mengambil masa 20 minit dari Plaza Tol Tapah Lebuhraya PLUS.

Selain menikmati keindahan alam hijau, kawasan yang terletak berhampiran Kampung Orang Asal ini juga turut dikelilingi oleh 2 jeram yang airnya begitu bersih dan jernih serta sesuai untuk aktiviti perkhemahan dan perkelahan. Di sebelah kanan kawasan kem ini juga terdapat sebuah dusun durian yang menghasilkan buah durian yang terbaik di Malaysia.

Berkeluasan 25 ekar, Sentosa Eco Park dapat memuatkan sekitar 600 - 700 orang dalam satu-satu masa. Pelbagai kemudahan turut disediakan seperti blok penginapan, surau, dewan makan serta gelanggang sukan. Para pengunjung juga boleh mencuba pelbagai aktiviti seperti rentas halangan, akitviti air seperti berkayak, flying fox dan juga jungle trekking. Khidmat fasilitator serta khidmat pemandu arah turut disediakan bagi mana-mana pihak yang berminat untuk mengadakan kursus atau latihan di kem ini.

Bagi orang ramai yang ingin mendapatkan keterangan lebih lanjut berkenaan Sentosa Eco Park, anda boleh merujuk laman Sesawang di pautan www.sentosaecopark.com atau Laman Facebook : Sentosa Eco Park.

